

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (30)

28 April 2020  
5 Ramadan 1441

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 26/2020

### PELANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) HINGGA 12 MEI 2020

Merujuk kepada Perutusan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 April 2020, dimaklumkan bahawa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilanjutkan mulai 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020. Lanjutan ini adalah PKP Fasa ke 4 yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 ini.

2. Dalam tempoh pelanjutan tempoh PKP ini, kesemua panduan/peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan operasi Universiti dalam tempoh PKP yang sedang berkuat kuasa akan terus terpakai sehingga PKP tamat. Semua staf diminta merujuk kepada panduan/peraturan tersebut bagi memastikan operasi Universiti dapat diteruskan dengan sebaik mungkin.


3. Pertambahan tempoh PKP Fasa ke 4 perlu dilihat sebagai peluang untuk kita membudayakan corak kehidupan mengikut kebiasaan baharu (*new normal*). Kini, bekerja dari rumah telahpun menjadi kebiasaan baharu bagi seluruh warga Universiti. Amalan ini perlu diteruskan dalam tempoh pelanjutan PKP ini dengan perancangan yang sewajarnya oleh semua Ketua Jabatan.

4. Semua warga Universiti diminta terus mematuhi arahan untuk kekal berada di rumah bagi memastikan rantai wabak COVID-19 ini berjaya diputuskan sepenuhnya. Pastikan juga penjarakan sosial dan kepentingan menjaga kebersihan terus dijadikan amalan diri dan keluarga.

Terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (30)

28 April 2020  
5 Ramadan 1441

## ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 26/2020

### EXTENSION OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) UNTIL 12 MAY 2020

With reference to the announcement made by the Honorable Prime Minister on 23 April 2020, please be informed that the duration of the Movement Control Order (MCO) is further extended from 29 April 2020 to 12 May 2020. This extension is Phase 4 of the MCO and is implemented to curb the spread of the COVID-19 outbreak.

2. During the extension period of the MCO, all guidelines / regulations enforced relating to the implementation of the University's operations will continue to be applied until the MCO expires. All staff are required to refer to these guidelines / regulations to ensure that the University's operations can continue as efficiently as possible.


3. The extension of the fourth MCO period should be seen as an opportunity for us to cultivate a new life pattern – the new normal. Today, working from home has become a new normal for all University citizens and this practice should be continued during the MCO extension period with proper planning by all Head of Departments.

4. All communities in the University are requested to follow all instructions and stay at home to ensure that the COVID-19 outbreak is fully broken. Please continue to practice social distancing and maintain proper personal and family hygiene and health care.

Thank you.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

I, who uphold trust,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**  
Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
  - Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
  - Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
  - Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
  - Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
  - Director Research Centre – UTM Pagoh
  - Senior Officers / Deans / Directors